

Surat Terbuka Tentang Pewartaan Tempat Makan Terbuka Sebagai Kawasan Larangan Merokok

Surat ini ditandatangani oleh 30 persatuan perubatan dari Malaysia. Kami mewakili majoriti pakar kesihatan di Malaysia.

Surat terbuka ini adalah bertujuan untuk menyatakan sokongan kami di atas pengumuman Kementerian Kesihatan Malaysia baru-baru ini melalui Timbalan Menteri Kesihatan Dr Lee Boon Chye bahawa Kementerian merancang untuk mewartakan Tempat Makan Terbuka sebagai kawasan larangan merokok di bawah Peraturan -Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004.

Kami amat bersetuju dengan kenyataan Dr Lee bahawa pewartaan kawasan larangan merokok ini adalah bertujuan untuk melindungi orang awam dari bahaya asap rokok sekunder.

Satu daripada dua orang perokok akan mati akibat penggunaan tembakau dan produk tembakau. Meskipun tindakan merokok akan menyebabkan kesan sampingan ke atas diri perokok itu sendiri, kajian telah menunjukkan bukan perokok sahaja terkesan dengan bahaya asap rokok malah orang ramai di sekeliling berisiko untuk mendapat pelbagai penyakit hasil akibat menyedut asap rokok ini.

Asap rokok mengandungi lebih dari 7000 bahan kimia. Sesetengahnya merupakan bahan karsinogenik atau penyebab kanser. Pelbagai kajian telah menunjukkan bahawa asap rokok boleh menyebabkan penyakit jantung koronari pada usia muda. Selain itu juga, pendedahan terhadap asap rokok dapat menyebabkan kanser paru-paru pada orang yang tidak merokok, serta risiko penyakit angin ahmar/ stroke.

Wanita dan kanak-kanak merupakan mangsa utama kepada pendedahan asap rokok terutama di tempat awam dan seringkali luahan hati mereka tidak diendahkan. Kesan sampingan terhadap golongan wanita dan kanak-kanak sering terjadi seperti contoh serangan asma yang kerap dan teruk. Asap rokok juga meningkatkan prevalen jangkitan saluran nafas, jangkitan telinga, kelahiran bayi pra matang dan kurang berat badan serta kematian mengejut pada bayi dan kanak-kanak.

Perlu ditekankan di sini bahawa tidak ada tahap selamat bagi pendedahan kepada asap rokok.

Dengan mengambil kira perkara-perkara tersebut, banyak kerajaan di serata dunia telah mengambil tindakan bagi melindungi rakyatnya dari kemudaratan asap rokok sekunder. Seperti contoh: England telah membuat suatu polisi yang menyatakan tempat bekerja adalah kawasan larangan merokok, berkuatkuasa dari 1 Julai 2007. Ini merupakan susulan daripada Akta yang terpakai di sana iaitu Health Act 2006.

Analisa yang telah dijalankan susulan penganan larangan tersebut menunjukkan bahawa terdapat pengurangan dari segi bilangan pesakit yang dirawat di hospital akibat serangan jantung, iaitu sebanyak 42% bagi pesakit lelaki dan 43% bagi pesakit wanita. Kadar kemasukan wad bagi pesakit asma juga berkurang. Sementara itu, di Amerika Syarikat, penurunan peratusan pesakit angin ahmar dilaporkan di negeri yang memperkenalkan larangan merokok, dibandingkan negeri-negeri lain yang tidak melaksanakan larangan merokok.

Kajian-kajian ini menunjukkan bukti kukuh bahawa polisi yang betul akan menyelamatkan nyawa dan mengurangkan masalah kesihatan fizikal, mental dan emosi yang berlaku akibat menanggung sesuatu penyakit. Seringkali kita mendengar kenyataan bahawa larangan tempat merokok akan memberi impak negatif kepada perniagaan dari sudut ekonomi. Pada hakikatnya ini tidak berlaku memandangkan terdapat bukti yang menyatakan hal yang sebaliknya.

Di England, perniagaan restoran telah berkembang sejak larangan merokok diperkenalkan, di mana pengusaha telah meningkatkan kualiti makanan serta berusaha menarik minat pelanggan yang berkeluarga terutama dengan anak yang masih kecil. Sebelum ini golongan keluarga akan mengelak masuk restoran di mana anak-anak kecil akan terdedah kepada asap rokok.

Kami ingin mengucapkan tahniah pada kerajaan baru yang mengambil berat usaha-usaha untuk mencegah penyakit dan sentiasa berusaha untuk membendung dan mengawal factor risiko utama yang menyebabkan Penyakit Tidak Berjangkit. Kami amat berharap Dr Lee bersama-sama YB Menteri Kesihatan, Dr. Dzulkefly Ahmad, akan dapatewartakan larangan merokok ini seperti yang dicadangkan.

Tembakau merupakan barang dagangan yang sah walaupun ia membunuh separuh daripada penggunaannya serta orang disekeliling. Pengurangan impak dari asap rokok sekunder akan meningkatkan kesejahteraan rakyat dan mengurangkan beban kos kesihatan yang akan ditanggung oleh kerajaan.

Kami yang menjalankan amanah,

Academy of Medicine of Malaysia
Academy of Medicine of Malaysia - College of Surgeons
Academy of Medicine of Malaysia - College of Physicians
Addiction Medicine Association of Malaysia
Asthma Malaysia
Family Medicine Specialists Association of Malaysia
Federation of Private Medical Practitioners' Associations Malaysia
Islamic Medical Association of Malaysia
Lung Foundation of Malaysia
Malaysian Association for Bronchology and Interventional Pulmonology
Malaysian Association of Thoracic and Cardiovascular Surgery
Malaysian Council for Tobacco Control
Malaysian Medical Association
Malaysian Medics International
Malaysian Oncological Society
Malaysian Paediatric Association
Malaysian Psychiatric Association
Malaysian Society of Geriatric Medicine
Malaysian Thoracic Society
Medical Mythbusters Malaysia
Medical Practitioners Coalition Association Of Malaysia
Medical Tweet Malaysia
National Cancer Society of Malaysia
National Heart Association of Malaysia
Obstetrical and Gynaecological Society of Malaysia
Perinatal Society of Malaysia
Persatuan Kesihatan IKRAM Malaysia
Persatuan Pakar Perubatan Kesihatan Awam Malaysia
Pertubuhan Doktor-doktor Islam Malaysia
Vascular Society of Malaysia